



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46(73 )

Tarikh : 29 Oktober 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **ASPIRASI MALAYSIA BERDAYA HUNI: “RESIDENSI PAUH PERMAI DIIKTIRAF CAPAI KUALITI TERBAIK CIDB SEDIA UNTUK DIDIAMI”**

---

**PERMATANG PAUH, 30 Oktober 2021** – YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mengadakan “Tinjauan Mesra Keluarga Malaysia” ke Residensi Pauh Permai, Permatang Pauh dan seterusnya menyerahkan kunci rumah kepada 10 orang pemilik di majlis tersebut.

Turut hadir semasa majlis tersebut ialah YB Tuan Jagdeep Singh Deo, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang, YB Puan Nurul Izzah binti Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB Dr. Hajah Norlela binti Arifin, ADUN Penanti, YB Dr Afif Bahardin ADUN Seberang Perai dan YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Residensi Pauh Permai ini merupakan salah sebuah **projek perumahan mampu milik yang dibangunkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)** khusus untuk kumpulan sasaran M40 di Pulau Pinang. **Ia mempunyai 1,017 unit** yang dijual pada harga mampu milik sekitar RM250 ribu hingga RM275 ribu dan kini **sebanyak 985 unit kediaman telah terjual, 9 unit telah ditempah dan 23 unit lagi masih dibuka untuk jualan.**

Residensi Pauh Permai kita ini merupakan satu projek *flagship* baharu di bawah **program PRESTASI PR1MA** – yakni program yang memberi nilai tambah terhadap daya huni kediaman dengan beberapa komponen seperti **landskap yang cantik,**

**persekitaran yang membina, pengiktirafan kualiti yang tinggi dan jalinan komuniti yang proaktif.**

Selain itu, **Residensi ini turut menerima skor QCLASSIC melebihi 74 peratus** oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam memastikan kualiti rumah yang dibina adalah dalam keadaan yang baik dari aspek kerja struktur, kerja pembinaan dan seni bina, kerja luaran serta aspek mekanikal dan elektrik (M&E).

Di samping itu, para pemilik turut ditawarkan **langganan data internet percuma selama empat bulan di bawah program (PR1MA Comm)** yang merupakan sebuah anak syarikat PR1MA.

Dalam memastikan projek ini memenuhi nilai daya huni yang tinggi, **PR1MA memberi penekanan terhadap aspek kualiti dalam pembinaan bagi memastikan keselamatan dan keselesaan jangka panjang penghuni.** Di samping itu, Residensi ini turut dilengkapi dengan pelbagai fasiliti seperti taska, tadika, surau dan dewan serbaguna bagi memudahkan kehidupan seharian penghuni.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican menjelaskan bahawa KPKT sentiasa komited untuk merealisasikan hasrat Kerajaan khususnya dalam penyediaan kediaman mampu milik kepada kumpulan sasaran Keluarga Malaysia. KPKT juga memberi keutamaan terhadap agenda perumahan yang menjadi fokus utama penyampaian atau *deliverables* Kementerian kepada rakyat.

Beliau turut menyentuh inisiatif Bajet 2022 yang turut memberi penekanan terhadap agenda perumahan kepada golongan sasaran melalui peruntukan sebanyak RM1.5 bilion. Ini termasuklah peruntukan sebanyak RM30 juta melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang memberi akses pembiayaan kepada golongan yang tiada bukti pendapatan tetap seperti pekerja gig, pengusaha kecil dan petani untuk memiliki rumah.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican turut memaklumkan bahawa KPKT diberikan peruntukan mengurus dan pembangunan yang berimbang bagi merealisasikan aspirasi perumahan berdaya huni, perkhidmatan perbandaran yang

mampuan dan perkhidmatan kebombaanan yang efektif; yang manfaat akhirnya melimpah ke seluruh Keluarga Malaysia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata pembinaan Residensi Pauh Permai membuktikan permintaan untuk rumah mampu milik yang berkualiti adalah tinggi berikutan sambutan yang menggalakkan terutamanya di kawasan bandar.

Selari dengan peningkatan permintaan untuk rumah mampu milik yang berkualiti terutamanya di lokasi-lokasi strategik yang pesat membangun, KPKT akan terus komited mendukung aspirasi Kerajaan dalam merealisasikan hasrat ke arah 'Malaysia yang Berdaya Huni'.

Untuk sebarang maklumat mengenai projek-projek lain di bawah PR1MA, sila layari <https://www.pr1ma.my/>. Pusat Panggilan PR1MA juga boleh dihubungi di talian di 03-7628 9898 atau e-mel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)